

## NOTIS

### AKTA PERLINDUNGAN MAKLUMAT PERIBADI 2010

'Kami', 'kita' dan 'Roche' dalam Notis Perlindungan Maklumat Peribadi ini merujuk kepada Roche Diagnostics (M) Sdn Bhd.

**MUSTAHAK:** Dengan memberikan maklumat peribadi anda kepada kami dan/atau dengan menggunakan laman web kami, anda bersetuju bahawa Maklumat Peribadi yang anda berikan boleh diproses oleh kami bagi tujuan yang diterangkan dalam Notis ini. Namun jika anda tidak bersetuju dengan Notis ini, sila jangan gunakan laman web ini atau memberikan sebarang maklumat peribadi anda kepada Roche.

#### Janji Kami untuk Privasi Anda

Notis Perlindungan Maklumat Peribadi ini dikeluarkan untuk semua pelanggan, bakal pelanggan, pakar kesihatan, doktor, pakar klinikal, pesakit, rakan kongsi perniagaan dan pembekal berdaftar mengikut keperluan Akta Perlindungan Maklumat Peribadi 2010 (selepas ini dirujuk sebagai 'Akta') yang berkuatkuasa pada 15.11.2013.

Apabila berurusan dengan Roche, sebagai pakar kesihatan kami, doktor, pelanggan/bakal pelanggan, pakar klinikal, pesakit, kakitangan, ejen dan wakil sah mereka, kami akan meminta anda memberikan maklumat peribadi anda termasuk maklumat peribadi yang sensitif (*selepas ini dirujuk sebagai 'Maklumat Peribadi'*). Ini bagi memastikan kami dapat menguruskan pesakit diabetes dengan berkesan menerusi analisis dan pengurusan glukosa mereka, juga bagi memudahkan diagnosis dan pengesanan maklumat anda yang telah dikumpul, disimpan, digunakan dan diproses oleh Roche Diagnostics (M) Sdn. Bhd. dari masa ke semasa, untuk perkhidmatan berkesan kepada anda dan/atau pengurusan hubungan pelanggan, dan perkhidmatan lebih berkualiti bagi memastikan penyelesaian penjagaan kesihatan, diagnostik dan pilihan rawatan secara menyeluruh.

Privasi anda amat penting bagi kami dan kami berbangga untuk mematuhi garis panduan yang ditetapkan dalam Akta ini oleh kerana kami mempunyai atau akan mempunyai maklumat peribadi milik pakar kesihatan, doktor, pelanggan, pakar klinikal, pesakit, pengguna, hospital di bawah seliaan dan jagaan kami, kakitangan, ejen dan wakil sah mereka.

#### MENGAPA KAMI GUNA MAKLUMAT PERIBADI ANDA?

1. Notis bertulis dan terma-terma ini ('Notis') berperanan memaklumkan anda bahawa maklumat peribadi anda diproses oleh pihak Roche dan maklumat peribadi anda telah atau akan dikumpul, daripada maklumat yang anda beri kepada kami dalam Kad Jaminan Meter, Borang Senarai Semak QC, Borang Maklumat Peribadi, pendaftaran keahlian dalam talian, dan mana-mana borang seumpamanya, (selepas ini dirujuk secara bersama sebagai 'Borang tersebut' yang anda diminta lengkapkan, bersama maklumat lain yang kami peroleh daripada anda, termasuk tetapi tidak terhad kepada nama, nombor kad pengenalan, alamat tempat tinggal, nombor telefon, butiran rawatan kesihatan, dan maklumat sensitif seumpamanya seperti jantina dan maklumat lain yang kami minta dalam mana-mana borang yang diserahkan langsung kepada anda atau menerusi vendor kami yang sah dan berdaftar, yang telah anda lengkapkan termasuk tetapi tidak terhad kepada, maklumat yang diterima menerusi projek-projek Tanggungjawab Sosial Korporat kami dan kesemua maklumat peribadi lain sebagaimana dinyatakan di bawah Akta sebagai maklumat peribadi atau maklumat peribadi sensitif.

2. Kami sedang memproses maklumat peribadi anda, termasuk sebarang maklumat tambahan yang anda berikan kepada kami kemudian, bagi tujuan menyediakan penyelesaian penjagaan kesihatan, diagnosis dan pelbagai cadangan rawatan untuk pakar klinikal dan pesakit. Bagi menyediakan penyelesaian penjagaan kesihatan menyeluruh, diagnostik dan pilihan rawatan, kami memerlukan, mengumpul dan memproses maklumat peribadi daripada anda untuk mengakses, menilai dan menjana maklumat statistik bagi mengakses prestasi penyelesaian penjagaan kesihatan kami, punca serta kesannya terhadap setiap pesakit yang dikenalpasti, bergantung kepada maklumat peribadi dan gaya hidup pilihan mereka untuk menyesuaikan ubat-ubatan selain dapat menguruskan penyakit dengan lebih baik bagi memastikan kami dapat terus menyediakan pilihan diagnosis dan rawatan terbaik untuk pakar klinikal dan paling utama, pesakit. Selain daripada yang tersebut di atas, kami juga memproses maklumat peribadi anda untuk mengadakan kontrak dengan anda, bagi memberikan perkhidmatan, audit, isu perundangan, pengurusan kontrak serta tujuan lain yang berkaitan dengan perkara di atas dan yang berikut ('**Tujuan**').
- a) Kami juga mengumpul maklumat peribadi anda daripada pelbagai sumber, termasuk apabila anda menyerahkan atau memberikan maklumat peribadi anda sama ada secara lisan atau dalam pelbagai bentuk yang diberikan kepada anda seperti Kad Jaminan Meter, Senarai Semak QC, Pendaftaran Keahlian Accu-Chek atau semasa pembelian Accu-Chek Meter anda.
  - b) Pemberian maklumat Peribadi adalah wajib dan kami memberi jaminan bahawa pengumpulan dan pemrosesan maklumat peribadi anda perlu dinilai keseluruhan fakta yang berkaitan dengan perkembangan dan keberkesanan produk dan rawatan kami (jika ada) apabila anda menyertai keahlian Accu-Chek. Sekiranya anda tidak memberikan Maklumat Peribadi anda kepada Roche, kami tidak dapat memproses atau merekod perkembangan dan/atau prestasi meter glukosa darah untuk penilaian sewajarnya terhadap kesihatan anda secara menyeluruh. Disamping itu, kegagalan memberikan Maklumat Peribadi akan menyebabkan anda tidak layak menyertai pelbagai program sama ada sedang berlangsung atau akan diadakan sebagai nilai tambah ke atas perkhidmatan bagi memastikan anda diberikan akses kepada produk, ubat dan rawatan kami.
  - c) Pemberian Maklumat Peribadi anda adalah secara sukarela apabila anda menyerahkan ulasan, cadangan, komen atau pendapat dalam mana-mana kad komen, apabila anda melengkapkan kaji selidik pesakit atau apabila menggunakan laman web.
  - d) Bagi menyediakan perkhidmatan serta kandungan yang lebih baik dan lebih memuaskan, yang mungkin menarik minat anda;
  - e) Tujuan pentadbiran dalaman Roche adalah termasuk mengaudit, perakaunan, analisis data dan menambah baik perkhidmatan kami;
  - f) Bagi Roche mematuhi keperluan peraturan dan kewajipan undang-undang;
  - g) Dan anda bersetuju serta membenarkan Roche menggunakan dan memproses Maklumat Peribadi anda seperti yang dinyatakan dalam Notis ini.

## **BAGAIMANA KAMI MENGGUNAKAN MAKLUMAT PERIBADI ANDA?**

### **3. Maklumat produk atas permintaan Doktor/Pakar Kesihatan/Farmasi**

Roche juga boleh menggunakan dan memproses Maklumat Peribadi anda untuk tujuan lain seperti menghantar maklumat dan berita terkini tentang Rawatan, Produk, Program, Perkhidmatan, Pendidikan, Promosi dan Acara yang mungkin anda minat, menerusi emel - *Accu-Chek Newsletter*. Panggilan telefon dan/atau melalui emel sama ada sedang atau akan dilakukan pada masa hadapan bagi memastikan anda dimaklumkan tentang pilihan penjagaan kesihatan kami.

### **4. Pendedahan kepada Pihak Ketiga**

Maklumat Peribadi anda boleh didedahkan, dikongsi dan diproses oleh pihak ketiga untuk tujuan yang dinyatakan dalam Kolum 1 di atas. Selanjutnya, Roche boleh melantik syarikat, pembekal perkhidmatan atau individu lain melaksanakan fungsi bagi pihak Roche, dan dengan yang demikian membolehkan akses atau mendedahkan Maklumat Peribadi anda kepada pembekal perkhidmatan atau pihak ketiga berkenaan. Pihak ketiga merujuk kepada Kolum 5 termasuk (tidak terhad kepada):-

- a) Pembekal perkhidmatan teknologi maklumat;
- b) Penasihat professional dan juruaudit luar; dan
- c) Penguatkuasa undang-undang, pihak berkuasa kawal selia dan kerajaan bagi mematuhi keperluan undang-undang dan kerajaan

Maklumat Peribadi anda juga boleh dikongsi apabila melibatkan urusan niaga korporat, seperti penjualan anak syarikat atau bahagian, penggabungan, penyatuan, atau penjualan aset, atau dalam penggulungan.

Selain itu, Maklumat Peribadi anda boleh dipindahkan ke lokasi-lokasi di luar Malaysia untuk Tujuan di atas.

### **5. Maklumat Peribadi daripada Individu Bawah Umur**

Roche tidak mengumpul Maklumat Peribadi daripada individu di bawah 18 tahun tanpa kebenaran ibu bapa atau penjaga sah kanak-kanak berkenaan. Sebagai ibu bapa atau penjaga sah, jangan benarkan kanak-kanak jagaan anda menyerahkan Maklumat Peribadi mereka kepada kami. Sekiranya Maklumat Peribadi diberikan kepada kami, anda dianggap bersetuju yang Maklumat Peribadi kanak-kanak tersebut akan diproses serta menjadi terikat dengan Notis ini serta bertanggungjawab atas tindakan mereka itu.

### **6. Rangkaian ke Laman Web Pihak Ketiga**

Laman web mungkin mempunyai rangkaian ke laman web pihak ketiga. Sila ambil perhatian bahawa kami tidak bertanggungjawab atas pengumpulan, penggunaan, penyenggaraan, perkongsian atau pendedahan maklumat atau data oleh pihak ketiga tersebut. Jika anda memberikan maklumat secara langsung di laman tersebut, dasar privasi dan terma-terma perkhidmatan dalam web berkenaan akan dikenakan dan kami tidak bertanggungjawab terhadap pemprosesan maklumat atau dasar privasi laman-laman web tersebut.

### **7. Persetujuan Pelanggan/ Henti Langganan**

Jika anda telah gagal atau gagal memberikan maklumat peribadi di atas dengan tepat, kami mungkin tidak dapat memproses maklumat peribadi anda untuk sebarang tujuan (seperti yang dinyatakan di atas). Sila ambil maklum bahawa ia bukan niat kami untuk mengiklankan perkhidmatan atau produk kami, melainkan maklumat berkenaan diminta dan diperlukan untuk tujuan yang sah.

Selain itu, jika anda kemudiannya menarik balik persetujuan untuk kami memproses maklumat peribadi anda, kami tidak dapat memproses maklumat peribadi anda untuk semua tujuan di bawah, yang akan memberi kesan negatif dalam pematuhan terma dan syarat obligasi berkontrak bersama, perkhidmatan kami kepada anda untuk tujuan di bawah seperti dinyatakan di atas.

Jika anda tidak bersetuju untuk Roche memproses Maklumat Peribadi anda bagi tujuan yang disenaraikan di atas, sila maklumkan kepada kami dengan menggunakan butiran yang dinyatakan dalam *Senarai Kontak* di bawah. Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami seperti dinyatakan dalam *Senarai Kontak* di bawah.

#### **Akses dan Pembetulan Maklumat**

8. Anda bertanggungjawab memastikan bahawa Maklumat Peribadi yang diberikan kepada kami adalah tepat, lengkap dan tidak mengelirukan, dan terkini. Tertakluk pada sebarang pengecualian di bawah undang-undang tertentu, anda boleh mengakses dan memohon Maklumat Peribadi anda diperbetulkan dan/atau mengehadkan pemprosesan Maklumat Peribadi anda, atau membuat pertanyaan atau aduan berhubung Maklumat Peribadi anda, dengan menghubungi kakitangan yang bertanggungjawab mengenai Akta Perlindungan Maklumat Peribadi (PDPA). Sila rujuk *Senarai Kontak* di bawah.
9. Selanjutnya, mengenai hak anda untuk mengakses dan/atau membetulkan Maklumat Peribadi anda, Roche berhak menolak permintaan anda untuk mengakses dan/atau membuat sebarang pembetulan dalam Maklumat Peribadi anda atas sebab-sebab yang dibenarkan di bawah undang-undang, seperti bila perbelanjaan untuk memberikan akses kepada anda adalah tidak setimpal dengan risiko terhadap privasi anda dan orang lain. Oleh itu, kami boleh menolak untuk memenuhi permintaan anda untuk mengakses atau membuat pembetulan ke atas Maklumat Peribadi anda di bawah Akta dan sekiranya kami enggan memenuhi permintaan sedemikian, kami akan memaklumkan kepada anda mengenai keengganan kami dan sebabnya secara bertulis.

#### **Bagaimana Kami Melindungi Maklumat Peribadi Anda?**

10. Di Roche, kami menggunakan teknologi dan langkah-langkah keselamatan, peraturan dan pelbagai prosedur untuk melindungi Maklumat Peribadi anda daripada diakses secara tidak sah, digunakan secara tidak wajar, didedahkan, hilang atau dimusnahkan. Kami menggunakan pelbagai kaedah bagi memastikan kerahsiaan maklumat anda seperti menggunakan tembok api (Firewall) berstandard industri dan perlindungan kata laluan.
11. Walaupun kami tidak dapat menjamin penyalahgunaan, kehilangan atau pemindaan maklumat, Roche akan melaksanakan langkah-langkah dan usaha yang munasabah untuk mengurangkan dan mencegah kejadian yang tidak diinginkan.
12. Walau bagaimanapun, adalah menjadi tanggungjawab anda sendiri untuk memastikan komputer yang anda gunakan adalah selamat dan dilindungi daripada 'software' yang berbahaya, seperti Trojan, virus komputer dan program cecacing (worm). Anda menyedari bahawa tanpa langkah-langkah keselamatan secukupnya (seperti memasang konfigurasi pelayar web, 'software' antivirus terkini, 'software' tembok api peribadi, tidak menggunakan 'software' daripada sumber meragukan), wujud risiko bahawa maklumat dan kata laluan yang anda gunakan untuk melindungi maklumat anda, mungkin didedahkan, dikongsi dan diproses oleh pihak ketiga tanpa izin.

## Senarai Kontak

Butiran Kontak Individu yang Bertanggungjawab Mengenai Akta Perlindungan Maklumat Peribadi	Pengurus Pematuhan
Alamat e-mel:	my.accu-chek@roche.com
No.Tel:	1-800-88-1313
No.Faks:	+6-03-7955 5418
Alamat syarikat	Roche Diagnostics (M) Sdn Bhd 2A, Jalan 13/1, 46200 Petaling Jaya Selangor Darul Ehsan, Malaysia

## Tarikh Kuatkuasa


Dasar Privasi ini berkuatkuasa pada 15.11.2013

Sekiranya wujud sebarang percanggahan antara versi Bahasa Inggeris dengan Bahasa Malaysia, versi Bahasa Inggeris adalah diutamakan. Roche (M) Sdn Bhd berhak untuk mengemas kini atau meminda terma-terma Notis pada bila-bila masa dengan meletakkan Notis terkini, di laman web Diabetes Care of Roche Diagnostic(M) Sdn Bhd.: <http://www.accu-chek.com.my> ("Laman Web").

Sekiranya anda meneruskan perkhidmatan kami selepas pengubahsuaian, pengemaskinian atau pemindaan Notis ini, anda akan terikat dengan semua perubahan tersebut. Kami memberi jaminan bahawa perubahan kepada Notis kami tidak akan mengubah cara kami mengendalikan maklumat anda.


Yang benar,

Roche Diagnostics (M) Sdn Bhd



Yip Siew Ping

(Pengurus Penjagaan Diabetes)



Wong Kian-Yeuan

(Pengurus Pematuhan)